



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, April 15, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### UPM anjur New International Students Welcoming Program 2015/2016



**Oleh: Bahagian Antarabangsa, UPM**

**SERDANG** – Seramai 168 pelajar baharu antarabangsa dari pelbagai negara menghadiri program Selamat Datang Pelajar Baharu Antarabangsa bagi sesi pengajian semester 2 2015/2016 di Auditorium Kejuruteraan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin, berkata proses pembelajaran adalah sesuatu yang amat penting sebagai nilai tambah untuk para siswazah berganding bahu memacu negara dalam dunia global.

“Saya berharap agar semua pelajar antarabangsa memperoleh pangalaman dan ilmu yang berharga dengan mempelajari pelbagai budaya di Malaysia serta menikmati kehidupan di kampus UPM,” katanya semasa merasmikan program SEM 2 2015/2016 New International Students Welcoming Programme (NISWP).

Pada program itu, para pelajar diberi pemahaman mengenai sistem pentadbiran, pengurusan pembelajaran, dan pendedahan kepada peraturan serta budaya persekitaran kampus yang merupakan objektif program berkenaan.

Program selama dua hari itu dijalankan oleh Pusat Antarabangsa UPM dengan kerjasama 15 pelajar tempatan di bawah program UPM Buddy selaku pembantu dalam menyelaraskan program.

Pelajar baharu itu termasuk dari Indonesia, Nigeria, Uganda, Iraq, Libya, Yaman, Morocco, Pakistan, China, Djibouti, Somalia, Palestin, Iran dan Mesir.

Pelajar dari Amerika Syarikat, Kathryn Graze Cruz, 20, berkata program NISWP membantu beliau memahami sistem yang dilaksanakan di UPM serta memahami dengan lebih dekat budaya Malaysia.

“Antara sesi yang menarik iaitu slot ice breaking yang dikendalikan oleh pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Rohimmir serta lawatan ke Melaka Bandaraya Bersejarah. Ia telah menarik perhatian saya untuk mempelajari bukan sahaja sejarah Melaka tetapi juga Malaysia,” katanya.

Rakannya dari Hong Kong, Shirley Chu Ling Fung, 21, berkata, beliau berterima kasih kepada Pusat Antarabangsa UPM kerana memberi peluang kepada pelajar baharu antarabangsa untuk mengikuti program itu.

“Pelbagai aktiviti dan program disusun khusus oleh UPM bagi memupuk minda yang optimis dalam memulakan sesi pembelajaran baharu di kampus ini,” katanya. – UPM.

